



## PERTANDINGAN VIDEO PENDEK

**TEMA : “sayeanakberanak, pakatjagamokayah, menjanakeluargamawaddah”**

### 1.0 SYARAT PENYERTAAN

- 1.1 Penyertaan adalah terbuka kepada RAKYAT KELANTAN SAHAJA.
- 1.2 Penyertaan boleh dikemukakan secara **INDIVIDU** atau **BERKUMPULAN**, terbuka kepada lelaki dan wanita.
- 1.3 Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja.
- 1.4 Muat naik video pendek paling kreatif bersama keluarga tidak melebihi 1 minit.
- 1.5 Penyertaan terbuka kepada semua kaum – menutup aurat bagi yang beragama islam dan berpakaian sopan bagi agama lain.
- 1.6 Video pendek yang dimuat naik mesti mempunyai mesej, mengikut tema dan hashtag di bawah:  
#sayeanakberanak  
#pakatjagamokayah  
#menjanakeluargamawaddah

### 2.0 SYARAT PERTANDINGAN

- 2.1 Setiap penyertaan mestilah menepati tema yang telah ditetapkan iaitu **“sayeanakberanak, pakatjagamokayah, menjanakeluargamawaddah”**.
- 2.2 Setiap karya merupakan hasil karya sendiri dan tidak pernah memenangi mana-mana pertandingan filem / video kebangsaan atau antarabangsa.
- 2.3 Penyertaan adalah dibenarkan dalam mana-mana bahasa.
- 2.4 Harta intelek bagi mana-mana karya penerbitan, percetakan dan penyiaran yang dilampirkan dalam karya mesti mendapat kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta.
- 2.5 Hasil karya hendaklah tidak mengandungi sebarang unsur pornografi jenayah, fitnah, penghinaan serta menyentuh sensitiviti individu, agama, kaum dan budaya.
- 2.6 Karya atau mana-mana bahagian dalam karya mestilah tidak melanggar sebarang undang-undang dan tidak terhad kepada hak privasi, hak harta intelek, hak-cipta, hak moral, cap dagangan atau nama perniagaan atau mana-mana pihak ketiga.
- 2.7 Pihak sekretariat pertandingan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan dari pihak ketiga akibat pelanggaran hasil hak-cipta terhadap hasil karya tersebut.

### 3.0 HADIAH PEMENANG

- 3.1 Pemenang-pemenang video terbaik akan menerima hadiah seperti berikut:
  - a) Johan : Tunai RM 700.00 dan sijil penyertaan
  - b) Naib Johan : Tunai RM 500.00 dan sijil penyertaan
  - c) Tempat Ketiga : Tunai RM 300.00 dan sijil penyertaan
  - d) Saguhati : Tunai RM 150.00 x 10 orang dan sijil penyertaan

3.2 Pemenang akan dihubungi melalui telefon atau surat-menyurat.

#### **4.0 TUNTUTAN HAK CIPTA**

- 4.1 Setiap karya penyertaan adalah hak milik **SEKRETARIAT PERTANDINGAN**
- 4.2 Karya tersebut berhak digunakan untuk sebarang tujuan promosi dan siaran sebelum, semasa dan selepas pertandingan.
- 4.3 Peserta juga mestilah membenarkan suntingan dibuat terhadap tajuk dan video penyertaan bagi tujuan penyiaran.

#### **5.0 PENOLAKAN PENYERTAAN**

- 5.1 Sekretariat pertandingan berhak menolak sebarang penyertaan yang tidak menepati syarat pertandingan dan format video.
- 5.2 Penyertaan dikira terbatal jika didapati dicitrak atau tidak asli.

#### **6.0 TARIKH TUTUP**

- 6.1 Semua penyertaan hendaklah dikemukakan kepada sekretariat pertandingan selewat-lewatnya **pada 10 November 2019** sebelum jam 5.00 petang.
- 6.2 Penyertaan selepas dari tarikh tutup tidak akan diterima.

#### **7.0 BORANG PENYERTAAN**

Borang penyertaan boleh didapati di :

- 7.1 Pejabat Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Wanita & Keluarga. Kerajaan Negeri Kelantan
- 7.2 *Fanpage* Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Wanita & Keluarga

#### **8.0 SEKRETARIAT PERTANDINGAN**

#### **9.0**

##### **Sekretariat Pertandingan Video Pendek**

**Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Aras 2, Blok 2, Kompleks Kota Darulnaim  
15503 Kota Bharu, Kelantan.**

Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

- 1) Pejabat : 09-7476568 / 09-7476569
- 2) Mesej / whatsapp : 013-9836915 (Unit Pembangunan Keluarga)

#### **10.0 KEPUTUSAN PENGHAKIMAN**

Semua keputusan adalah MUKTAMAD. Sebarang bantahan dan rayuan tidak akan dilayan.